

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL TEO YU KENG [ MIRI ]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9344**

**SOALAN :**

**Dr. Michael Teo Yu Keng [ Miri ] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-**

- (a) berapakah bilangan individu yang dilahirkan di Malaysia yang masih dalam golongan "stateless" yang telah membuat permohonan untuk mendapatkan kewarganegaraan Malaysia; dan
- (b) berapakah bilangan permohonan tersebut yang belum diluluskan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Istilah *stateless* secara umumnya adalah merujuk kepada seseorang yang pada masa ini tidak bernegara iaitu beliau tidak memiliki kewarganegaraan mana-mana negara di dunia ini. Berdasarkan kepada istilah tersebut, adalah ditegaskan sepatutnya di Malaysia tiada mereka yang berstatus *stateless*. Ini adalah kerana mereka yang tiada negara tidak dibenarkan masuk ke negara ini kerana tiada dokumen perjalanan. Realitinya, golongan ini adalah individu yang telah memasuki Malaysia dengan dokumen perjalanan yang sah atau Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan dengan sengaja menyembunyikan maklumat tersebut dengan niat untuk mendapatkan dokumen pengenalan diri Malaysia.**

**Sepertimana yang dimaklumi, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menyimpan rekod bagi individu yang telah berdaftar bagi urusan Kelahiran dan Kematian, Perkahwinan dan Perceraian (bagi yang bukan beragama Islam) dan juga bagi individu yang telah dikeluarkan Kad Pengenalan. Oleh itu, JPN tidak menyimpan rekod bagi individu yang mendakwa dirinya *stateless* dan pada masa yang sama tidak juga tampil ke JPN untuk mendapatkan dokumen pengenalan diri yang bersesuaian.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL  
[KUALA KEDAH ]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2016 (RABU)**

**SOALAN : 34**

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci segala perkembangan berkenaan siasatan tragedi MH370. Benarkah yang pihak Malaysia kerap keberatan berkongsi maklumat dengan keluarga mangsa.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat hari ini, penyiasatan MH370 masih lagi berjalan. Penyiasatan MH370 merangkumi dua bahagian iaitu Penyiasatan Jenayah (*Criminal Investigation*) di bawah kuasa Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Penyiasatan Keselamatan (*Safety Investigation*) di bawah pasukan penyiasat yang ditubuhkan mengikut *Annex 13, International Civil Aviation Organisation (ICAO) yang dikenali sebagai MH370 Annex 13 Safety Investigation Team*.

Pasukan penyiasat *Malaysian International Civil Aviation Organisation (ICAO) Annex 13 Safety Investigation Team For MH370* telah mengeluarkan *Interim Statement* pada ulang tahun pertama dan kedua kehilangan pesawat masing-masing pada Mac 2015 dan 8 Mac 2016 berhubung dapatan awal siasatan. Pada masa yang sama, operasi pencarian pesawat MH370 masih diteruskan bagi melengkapkan pencarian di dalam kawasan seluas 120,000 km persegi.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, sehingga kini bangkai (*main wreckage*) pesawat MH370 masih tidak ditemui. Walau bagaimanapun, sebanyak 22 serpihan (*debris*) dipercayai dari pesawat tersebut telah ditemui dan signifikan untuk dibuat pemeriksaan terperinci. Daripada jumlah tersebut, 3 serpihan yang dijumpai terdampar, masing-masing di La Réunion Island (flaperon kanan), Tanzania (sebahagian *outboard flap* kanan) dan Mauritius

(*outboard flap* kiri) telah disahkan adalah serpihan MH370. Manakala 5 serpihan lagi telah dikenal pasti sebagai serpihan yang *almost certain* daripada MH370.

Kerajaan Malaysia sentiasa berkongsi maklumat dengan waris penumpang dan anak-anak kapal pesawat MH370 (*Next-of-kin-NOK*). Dalam hubungan ini, pasukan penyiasat telah mengeluarkan *Interim Statement* dan *Factual Information Report* pada ulang tahun pertama dan kedua kehilangan pesawat masing-masing pada Mac 2015 dan 8 Mac 2016 berhubung dapatan awal siasatan. Kedua-dua laporan ini memperincikan fakta-fakta kejadian berdasarkan maklumat yang diperolehi pada masa tersebut. *Interim Statement* dan *Factual Information Report* tersebut boleh diakses dan dimuat turun oleh NOK dari laman sesawang Kementerian Pengangkutan (MOT).